

Urus sungai lebih bersepadu, sistematik

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intansuhanaomar@gmail.com



MASIHKAH anda ingat banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan sekitar Selangor pada tahun 2016 yang mengakibatkan kerosakan harta benda penduduk setempat dan menjejaskan mata pencarian para nelayan.

Banjir tersebut berlaku berikutan fenomena air pasang besar luar biasa yang menyebabkan paras air laut lebih tinggi daripada ban (benteng) sehingga air laut melimpah masuk ke kawasan perumahan dan pusat pengajian berdekatan.

Hal demikian menunjukkan bahawa perubahan iklim yang berlaku ketika ini mempengaruhi peningkatan aras air laut sehingga mendatangkan bencana kepada manusia.

Prihatin dengan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kini komited memfokuskan kepada fenomena perubahan iklim terhadap peningkatan aras air laut dan juga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi menjamin kesejahteraan air dan juga



ANTARA anak sungai yang di besarkan bagi mengatasi masalah banjir besar yang berlaku pada masa akan datang.

“Banjir yang sering berlaku ketika ini berpunca dari laut menyebabkan paras air meningkat terlalu tinggi sehingga melimpah ke luar akibat corak perubahan hujan yang berubah.

“Jadi, kajian perubahan iklim itu nanti akan melibatkan proses merekodkan corak perubahan taburan hujan yang menjurus kepada perubahan iklim dua tiga tahun lepas untuk disusun dan dikaji semula,” katanya kepada pemberita dalam temu bual khas sempena 100 Hari pentadbirannya sebagai Ketua Pengarah JPS, di pejabatnya di ibu negara baru-baru ini.

Md. Nasir yang sebelum



MD. NASIR MD. NOH (depan) melawat tapak projek JPS di Sungai Kedamaian, Sabah.

keseragaman antara negeri dalam menguruskan lembangan sungai dengan lebih cekap.

Pengurusan lembangan sungai mengikut daerah ketika ini dilihat agak sukar terutama bagi lembangan sungai yang merentasi daerah atau negeri seperti Sungai Bernam yang dikongsi antara Perak dan Selangor serta Sungai Labu dan Sungai Langat antara Kuala Lumpur dengan Negeri Sembilan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan memperuntuk RM200 juta kepada JPS untuk melakukan kerja-kerja penambahbaikan benteng di tebing sungai yang dibina dekat kawasan pesisir pantai di sembilan buah negeri bagi menangani bencana banjir kilat akibat fenomena air pasang besar.

Jelasnya, pihaknya kini sedang mengenal pasti benteng tersebut di Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan,

Program kesedaran mengenai air

JABATAN Pengairan dan Saliran (JPS) akan memberi penekanan kepada program kesedaran melibatkan orang ramai bagi meningkatkan kesedaran mengenai air.

Md. Nasir berkata, bagi menjamin sekuriti air dan memperkasa usaha pengurusan air secara mampan ini, pihaknya juga menjalankan program bersama masyarakat untuk memberi pendidikan kepada mereka mengenai air dan persekitarannya.

Menurutnya, kerosakan alam yang berlaku ketika ini adalah disebabkan oleh tangan manusia itu sendiri dan amat penting mereka diberi pendedahan bagi mengelakkan kerosakan terus berlaku.

Program mendekati orang awam itu melibatkan pelajar, penaja dan juga pengusaha industri yang menyumbang kepada kualiti air di negara ini.

kualiti
“Pal
orang
pemiki
untuk
pencer
terhad

Berl
matlan
beliau
sama 9
di selu
mema
air di n

Mer
air lest
menjan
kehidu
memar
manus
60 per

Mer
inisiati
oleh ke
dengar
orang
memb
tahap
pengg

“Kita dekati mereka dan